

7 JAN 1996

Ladang

TIADA KERJASAMA ANTARA DUA KEMENTERIAN TERBABIT, KATA MMA

KUALA LUMPUR, 7 Jan (Bernama) -- Presiden Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) Datuk Dr. R.S. McCoy hari ini mengecam dua kementerian dengan mendakwa bahawa masing-masing cuba mengelak daripada memikul tanggungjawab dalam menyediakan kemudahan asas kepada pekerja ladang.

Pada persidangan berita yang diadakan selepas majlis penutup satu seminar mengenai perubatan ladang di Institut Penyelidikan Perubatan di sini, McCoy mendakwa bahawa kementerian-kementerian Kesihatan dan Sumber Manusia saling mengelak untuk menangani isu berkenaan dengan alasan ia terletak di bawah bidang kuasa kementerian yang satu lagi.

"Kemudahan kesihatan masyarakat ladang memerlukan perhatian serius. Dua kaji selidik yang dijalankan oleh MMA pada 1988 dan 1994 menunjukkan bahawa mereka telah diabaikan," kata beliau dan menambah kata kemudahan seperti pusat kesihatan, bekalan air dan kemudahan-kemudahan asas yang lain tidak memuaskan.

Beliau berkata MMA yang telah sekian lama menunggu tindakan oleh pihak berkuasa akan menyerahkan satu memorandum kepada kedua-dua kementerian berkenaan untuk tindakan lanjut.

Ketika ditanya mengenai tindakan MMA jika masih tiada sebarang tindakan daripada kedua-dua kementerian berkenaan, McCoy menyatakan bahawa ia akan mengambil satu lagi pilihan iaitu dengan membawa isu itu terus kepada perhatian Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Sesuatu perlu dilakukan. Kerajaan seharusnya mempunyai keazaman politik untuk berbuat sesuatu mengenainya," kata beliau.

Seminar dua hari itu yang berakhir hari ini membincangkan mengenai kemudahan-kemudahan yang disediakan kepada para pekerja ladang dan keluarga mereka yang terabai dan kedudukan mereka yang terasing daripada arus pembangunan.

Beliau percaya bahawa kemudahan kesihatan untuk masyarakat ladang seharusnya disediakan oleh Kementerian Kesihatan.

Ketika ini, para pekerja di ladang-ladang swasta tidak disediakan sebarang kemudahan kesihatan oleh kerajaan. Sebaliknya, tanggungjawab berkenaan terletak di bahu para pemilik ladang yang kebanyakannya tidak memberikan perhatian sewajarnya terhadap isu itu.

MMA berjanji tidak akan membiarkan keadaan itu daripada berlarutan dan mahu supaya para pemilik dan pihak pengurusan ladang diberikan kesedaran bahawa mereka mempunyai tanggungjawab sosial untuk menjaga kebajikan para pekerja. -- Bernama.